

PERANG SEBAGAI PENYELESAIAN KONFLIK DALAM *SYAIR PERANG MENTENG*

(War as Conflict Resolution in Syair Perang Menteng)

Wan Roshazli Wan Razali
amsya_gurlz@yahoo.com

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM,
Pulau Pinang, Malaysia.

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Wan Roshazli Razali. (2023). Perang sebagai penyelesaian konflik dalam *Syair Perang Menteng*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(1), 57–78. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/jm.16(1)no3)

Peroleh: <i>Received:</i>	5/9/2022	Semakan: <i>Revised</i>	7/10/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	23/11/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	1/1/2023
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	------------	--	----------

Abstrak

Kajian ini membincangkan perang sebagai penyelesaian konflik dalam *Syair Perang Menteng*. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan konflik antara Sultan Mahmud Badaruddin II dengan Muntighe berhasil dileraikan melalui peperangan sahaja. Tidak dinafikan terdapat beberapa kaedah lain yang telah digunakan bagi mengelakkan berlakunya peperangan, tetapi kaedah tersebut gagal mencapai kata sepakat. Bagi memperdalam perbincangan, teori peperangan yang telah diperkenalkan oleh Sun Tzu dalam bukunya *The Art of War* (2002) didapati memenuhi objektif kajian ini. Sun Tzu telah menyenaraikan 13 strategi peperangan, iaitu penilaian, melancarkan pertempuran, merencanakan serangan, posisi strategik, keunggulan strategik, kelemahan dan kekuatan konflik bersenjata, menyesuaikan diri terhadap sembilan kemungkinan, mengerahkan pasukan, medan, sembilan jenis medan, serangan pembakaran dan menggunakan mata-mata. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan terhadap *Syair Perang Menteng* didapati Sultan Mahmud Badaruddin II telah mengaplikasikan strategi sebegini dalam peperangan menentang Belanda. Selain strategi berdasarkan pandangan Sun Tzu, Sultan Mahmud Badaruddin II juga memiliki keunggulan tersendiri dalam usaha mengatur strategi peperangan. Antara keunggulan strategi yang dimiliki oleh Sultan Mahmud Badaruddin II adalah meletakkan Allah dan agama Islam sebagai landasan utama peperangan menentang Belanda serta mendapat sokongan dan ketaatan daripada masyarakat Palembang. Keunggulan strategi peperangan ini telah berjaya memberi

kemenangan kepada pihak Palembang dalam pertempuran ini dan konflik antara kedua-dua belah pihak ini telah berjaya diselesaikan melalui kaedah peperangan.

Kata kunci: Peperangan, *Syair Perang Menteng*, penyelesaian konflik, Sultan Mahmud Badaruddin II, Sun Tzu, seni peperangan

Abstract

*This study discusses war as conflict resolution in Syair Perang Menteng. The objective of this study is to clarify the conflict between Sultan Mahmud Badaruddin II and Muntighe that was resolved by war only. It is undeniable that several methods were used to avoid a war from happening, but all of them failed to reach an agreement. To discuss in detail, the war theory that Sun Tzu introduced in his book, *The Art of War* (2002), was used to achieve the objective of this study. Sun Tzu has listed 13 war strategies, which are valuation, battle launching, planning attack, strategic positions, strategic advantages, weaknesses and strengths of armed conflict, adapting to the nine possibilities, deploying troops, terrain, nine types of terrain, arson attacks, and using spies. Based on the analysis of Syair Perang Menteng, Sultan Mahmud Badaruddin II applied this strategy in the war against the Dutch. In addition to the strategies based on Sun Tzu's views, Sultan Mahmud Badaruddin II also had superiority in forming war strategies. Among the superior strategies owned by Sultan Mahmud Badaruddin II was placing Allah and the Islamic faith as the primary basis of the war against the Dutch and having the full support and obedience of the Palembang community. The superiority of this war strategy successfully gave victory to the Palembang side in this battle, and they successfully resolved the conflict between these two sides through war.*

Keywords: War, Syair Perang Menteng, conflict resolution, Sultan Mahmud Badaruddin II, Sun Tzu, The Art of War

PENDAHULUAN

Palembang sebelum kedatangan Islam dikenali sebagai kerajaan Sriwijaya dan terletak di daerah Sumatera Indonesia. Palembang turut memiliki kekayaan hasil buminya tersendiri, malah pernah menjadi kuasa perdagangan utama di rantau Asia Tenggara sewaktu zaman pemerintahan Sultan Abdul Rahman melalui perdagangan lada hitam. Lada hitam mendapat pasaran tinggi di negara luar Asia termasuk di Eropah. Selain lada hitam, Palembang juga memiliki kekayaan hasil bijih timah yang sangat diperlukan dalam industri perkilangan di Eropah. Pada tahun 1722, Belanda mula menyedari kepentingan bijih timah sebagai barang dagangan

(Andaya, 1983:125). Penemuan bijih timah di Pulau Bangka dan Belitung menjadi faktor penarik kepada kuasa asing untuk bersaing bagi mendapatkan hak monopoli terhadap perdagangan bijih timah yang selama ini menjadi hak eksklusif sultan (Vlekke, 1967:201).

Bunga-bunga konflik antara Palembang dan Belanda bermula setelah kekalahan Perancis (1815) di Belanda. Kekalahan ini menjadikan Belanda bebas sepenuhnya daripada cengkaman Perancis, dan Raja Willem I telah dilantik kembali menjadi raja Belanda. Kekalahan ini membawa perjanjian damai antara Inggeris dan Belanda dan dikenali sebagai Konvensi London yang termeterai pada 13 Ogos 1814. Perjanjian ini bertujuan menyerahkan daerah kekuasaan Inggeris di Indonesia sepenuhnya kepada Belanda termasuk Pulau Bangka dan sebagai ganti Belanda harus menyerahkan Cochcin sebuah daerah di India kepada Inggeris (Djohan, 1989:72). Penyerahan ini menimbulkan ketidakpuasan hati Sultan Mahmud Badaruddin II kerana beliau mendakwa Palembang merupakan negeri merdeka dan bebas sepenuhnya daripada kekuasaan Belanda ketika Perjanjian Tuntang ditandatangani pada September 1811. Perjanjian Tuntang terhasil akibat kekalahan Belanda di tangan Inggeris melalui pakatan sulit antara Raffles dan sultan-sultan di Indonesia. Perjanjian ini bertujuan memindahkan kekuasaan Belanda di Indonesia kepada kuasa Inggeris.

Kehadiran tentera Belanda menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan penduduk Palembang. Tentera Palembang telah bertindak menyerang tentera Belanda yang sedang melakukan ekspedisi pembersihan di Sungai Rawas untuk memastikan tiada lagi tentera Inggeris di Palembang. Peristiwa serangan tersebut, menyebabkan hubungan antara Muntighe dengan Sultan Mahmud Badaruddin II tegang. Muntighe telah menuduh Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai dalangnya. Sebagai ganti Sultan Mahmud Badaruddin II haruslah menyerahkan Putera Mahkota Palembang sebagai jaminan ketaatan kepada Belanda. Walau bagaimanapun permintaan ini telah ditolak oleh Sultan Mahmud Badaruddin II. Konflik antara kedua-dua belah pihak ini mencapai kemuncaknya apabila tentera Belanda bertindak menembak pengiring peribadi Sultan Mahmud Badaruddin II ketika beliau dalam perjalanan menunaikan solat Jumaat. Sultan Mahmud Badaruddin II, menuntut ganti rugi, tetapi hal ini tidak diendahkan oleh pemimpin Belanda, sebaliknya meminta hak sepenuhnya atas perdagangan bijih timah. Oleh itu Sultan Mahmud Badaruddin II, telah bertindak mengarahkan para tenteranya untuk bersiap siaga dan mengisytiharkan perang jihad terhadap tentera Belanda.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini dilakukan berdasarkan kelompangan kajian terdahulu terhadap *Syair Perang Menteng*. Para sarjana terdahulu seperti Suidat, M.Pd.I. (2019) dalam tulisan beliau *Sejarah Nasional Indonesia* telah membincangkan ketokohan Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai pahlawan nasional dengan menyenaraikan sumbangan Sultan Mahmud Badaruddin dalam perang di Palembang. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak menjelaskan strategi peperangan yang digunakan sewaktu menentang Belanda.

Abdul Rahman pula (2016) dalam bukunya bertajuk *Gerakan Penjajahan dan Anti Penjajahan Tanah Melayu 1511–1957* telah menghuraikan *Syair Perang Menteng* sebagai syair perang jihad kerana kesungguhan Sultan Mahmud Badaruddin II dan para tenteranya mempertahankan tanah Palembang daripada dijajah oleh kuasa Belanda. Selain itu, beliau turut menjelaskan terdapat hal yang menguatkan lagi perang ini sebagai perang suci kerana adanya penglibatan golongan haji dan amalan tarekat yang diamalkan oleh golongan haji dan para tentera. Malah beliau juga memetik beberapa rangkap *Syair Perang Menteng* bagi menguatkan lagi dakwaan beliau bahawa syair ini ialah syair berkaitan dengan perang suci.

Zubir (2013) menghasilkan buku bertajuk *Etnosentrisme dalam Syair-syair Perang Melayu Belanda*. Beliau telah memilih tiga syair perang, iaitu *Syair Perang Menteng*, *Syair Perang Mengkasar* dan *Syair Peperangan Aceh*. Perbincangan kajian ini adalah berlandaskan kerangka konsep etnosentrisme oleh William Graham Sumner. Dapatan kajian ini membuktikan lima faktor yang menyebabkan wujudnya etnosentrisme dalam masyarakat Melayu, iaitu maruah, semangat cintakan tanah air, sumpah setia raja-raja, semangat patriotisme dan semangat jihad fisabilillah. Di samping itu, beliau menegaskan bahawa agama Islam merupakan induk utama yang menyemarakkan lagi semangat etnosentrisme dalam ketiga-tiga syair perang tersebut. Malah Zubir juga mengutarakan tema yang sama, iaitu etnosentrisme dalam makalahnya “Jihad as the Core of Malay Ethnocentrism” (2016) terbitan *PERTANIKA* dan makalah ini juga menjurus semangat jihad dan kesucian agama Islam sebagai penggerak utama bagi masyarakat Palembang dalam *Syair Perang Menteng*, Aceh (*Syair Peperangan Aceh*) dan Makassar (*Syair Perang Mengkasar*) bangkit menentang kuasa asing yang bertapak di tanah air mereka.

Abdullah dan Ainon (1998) dalam bukunya *Berkonflik dan Berunding* telah menyenaraikan lapan kaedah penyelesaian konflik, iaitu rundingan, obligasi, dominasi, pengelakan, menuduh, muslihat, melemahkan pihak lawan dan bekerjasama. Berdasarkan lapan kaedah penyelesaian yang dikemukakan oleh Abdullah dan Ainon ini, ternyata para sarjana ini tidak menjadikan perang sebagai salah satu penyelesaian

konflik. Oleh itu, wujud kelompangan dalam kaedah penyelesaian konflik yang diutarakan oleh beliau. Bertitik tolak daripada kelompangan teori ini, perbincangan berkaitan dengan perang sebagai penyelesaian konflik dalam karya sastera wajar dilakukan bagi memenuhi kelompangan tersebut. Selain itu, berdasarkan tinjauan kajian lepas yang telah dijalankan masih belum ditemui kajian berkaitan dengan penyelesaian konflik dalam *Syair Perang Menteng* dalam penulisan sebelumnya.

Woelders (1975), antara sarjana Barat yang tidak ketinggalan melakukan kajian terhadap teks *Syair Perang Menteng*. Beliau telah melakukan kajian berbentuk filologi dan pada masa yang sama mentranskripsi syair ini daripada tulisan Jawi kepada tulisan Rumi dan juga Belanda. Kajian beliau, lebih menjurus kepada aspek sejarah yang terdapat dalam *Syair Perang Menteng* dengan mengaitkannya dengan peristiwa sejarah sebenar seperti yang tercatat dalam catatan sejarah. Woelders juga bersetuju syair ini ialah syair perang berbentuk keagamaan.

Rumusan daripada kajian lepas yang telah dijalankan, membuktikan bahawa masih belum ditemui kajian berbentuk perang sebagai penyelesaian konflik dalam *Syair Perang Menteng*. Hasil penulisan tentang *Syair Perang Menteng* sebelum ini lebih tertumpu pada syair perang suci orang Melayu Palembang menentang Belanda, semangat etnosentrisme dan juga ketokohan Sultan Mahmud Badaruddin II sahaja. Oleh itu, penulisan makalah ini adalah penting kerana telah berjaya mengisi kelompangan dalam kajian sebelum ini.

METODOLOGI KAJIAN

Teori Peperangan

Perang menurut Sun Tzu (2002:10) ialah seni peperangan yang memerlukan olahan dan gaya tertentu untuk mencapai kemenangan. Strategi peperangan diolah dengan penuh gaya dan nilai kesenian yang kadangkala sukar untuk diterima oleh akal. Muhammad Yusoff (1993:188) pula mendefinisikan perang sebagai suatu kegiatan yang melibatkan fizikal dan mental manusia, materi (peralatan), profesion, sains atau seni yang berkaitan dengan aktiviti atau operasi ketenteraan untuk tujuan sesuatu. Peperangan berlaku disebabkan oleh konflik terbuka, dan dibezakan dengan bentuk keganasan manusia seperti menyerang, menyentuh dan membunuh, melakukan rusuhan dan berkelahi. Peperangan ialah kekerasan yang tersusun dan teratur serta melibatkan tenaga manusia yang ramai, kerosakan dan kemusnahan yang dahsyat malah turut mempengaruhi aspek mental dan fizikal manusia.

Perkembangan tamadun sesuatu bangsa menyaksikan sering kali berlakunya peperangan untuk menguasai pihak yang lemah dan membangunkan bangsa yang lebih hebat. Masyarakat zaman silam juga tidak ketinggalan terlibat dalam kancah peperangan. Penglibatan masyarakat tempatan dalam dunia peperangan semakin aktif dengan kedatangan kuasa Barat ke alam Nusantara. Pertempuran masyarakat silam dengan kuasa asing, iaitu Portugis, Belanda dan British telah membuktikan masyarakat silam sudah pun memiliki kaedah peperangan tersendiri. Pertembungan kuasa tempatan dan asing yang berlaku di Nusantara sering berakhir dengan peperangan setelah pelbagai kaedah digunakan oleh kedua-dua belah pihak agar dapat dielakkan peperangan. Lantaran itu, berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap syair-syair perang di alam Nusantara memperlihatkan pertembungan konflik masyarakat setempat dengan kuasa luar hanya dapat diselesaikan melalui kaedah peperangan.

Peperangan merupakan urusan negara yang penting. Hal ini demikian kerana, perang merupakan medan atau jalan yang membawa kepada keselamatan atau kehancuran. Peperangan juga diiktiraf sebagai seni kerana pelbagai kaedah yang digunakan untuk mencapai kemenangan dalam peperangan serta bertujuan menamatkan konflik (Sun Tzu, 2002:87 & 93). Oleh itu, untuk mencapai kemenangan beberapa perkara perlu dilakukan sebelum berperang. Tanpa perancangan yang baik, teratur dan teliti tidak akan membawa kemenangan kepada pihak yang terlibat, walaupun mempunyai bilangan tentera yang ramai serta kelengkapan ketenteraan yang mencukupi serta canggih. Tambah Sun Tzu lagi, untuk mencapai kemenangan harus dianalisis terlebih dahulu dari aspek situasi peperangan yang melibatkan lima kriteria, iaitu jalan *tao* (tipu muslihat), iklim, medan, komando dan aturan. Lima kriteria ini telah diperkembang oleh Sun Tzu menjadi 13 strategi peperangan yang hingga kini masih lagi relevan untuk dirujuk serta dipraktikkan.

Berdasarkan prinsip atau teori peperangan yang diperkenalkan oleh Sun Tzu (2002) dalam bukunya *The Art of War* (2002:91–153) beliau menjelaskan bahawa terdapat 13 prinsip dalam teori peperangan, iaitu penilaian; melancarkan serangan; merencanakan serangan; mempertahankan posisi penting; keunggulan strategi; menilai kelemahan dan kekuatan musuh; serangan bersenjata; menyesuaikan diri di medan perang; mengerahkan pasukan; serangan pembakaran; mengenali medan peperangan; sembilan jenis medan dan menggunakan perisik. Melalui strategi peperangan yang diketengahkan oleh Sun Tzu ternyata kesemua kaedah yang ditonjolkan oleh Sun Tzu adalah bersesuaian dengan perbincangan dalam makalah ini. Oleh itu, setiap strategi ini akan diterangkan dengan lebih mendalam dalam bahagian analisis

Konflik dan Peperangan

Konflik menurut Nidzam (2018:111) merupakan fenomena biasa sama ada dalam masyarakat, kelompok, etnik, diri, kebudayaan, ekonomi dan sosial. Masyarakat yang tidak mempunyai konflik atau pertentangan adalah tidak normal. Konflik tidak hanya membawa pengertian negatif sahaja, malah membawa pengertian yang positif. Oleh itu, konflik bukan fenomena baharu dan sering terjadi. Pruitt dan Rubin (2004:9) menjustifikasikan konflik berlainan daripada Nidzam. Konflik bagi Pruitt dan Rubin ialah perkelahian, peperangan atau perjuangan yang membawa percanggahan pandangan atau pendapat secara fizikal. Mereka turut memperluas definisi konflik dengan membawa erti tidak sepakat, pertentangan disebabkan oleh kepentingan tersendiri, idea dan lain-lain. Konflik turut diistilahkan sebagai perbezaan kepentingan pihak yang berkonflik dan tidak dapat dicapai secara bersama-sama penyelesaiannya (Pruitt & Rubin 2004:10). Pruitt dan Rubin berpendapat konflik lebih banyak membawa keburukan daripada kebaikan. Pandangan yang dikemukakan oleh kedua-dua sarjananya ini tidak salah sama sekali kerana kesan peperangan lebih banyak membawa keburukan daripada kebaikan antara kedua-dua pihak yang berkonflik. Namun begitu, peperangan juga perlu dilaksanakan sekiranya kepentingan dan keselamatan bangsa atau masyarakat terancam.

Fenomena ini telah dirakamkan dalam teks *Syair Perang Menteng* dan menaratifkan peperangan yang berlaku antara pihak Palembang dan Belanda. Peperangan ini berlaku disebabkan oleh faktor maruah antara kedua-dua belah pihak. Belanda bertindak menyerang Palembang kerana faktor ego dan berasa orang Melayu atau peribumi mudah ditakluk, sedangkan orang Palembang berusaha mempertahankan agama Islam dan kedaulatan raja. Hal ini demikian kerana, agama dan kedaulatan raja ialah maruah mereka. Fahaman masyarakat Melayu mempertahankan kedaulatan raja sama ertinya mempertahankan kesucian agama Islam kerana raja ialah ketua agama. Senario ini mengukuhkan lagi pandangan bahawa orang Melayu pantang jika agama dan maruahnya diinjak terutamanya oleh bangsa asing. Bagi menyelesaikan konflik yang dihadapi, kedua-dua pihak bertelagah ini, iaitu Belanda dan Palembang telah menjadikan perang sebagai jalan penyelesaian konflik.

ANALISIS TEKS: PENYELESAIAN KONFLIK DALAM *SYAIR PERANG MENTENG*

Dalam usaha menyelesaikan konflik secara peperangan beberapa tindakan diambil untuk tujuan tersebut. Yang berikut ialah langkah yang diambil oleh Sultan Mahmud Badaruddin II untuk mempertahankan Palembang.

Musyawarah atau Penilaian

Musyawarah menurut Sun Tzu (2002:93) merupakan jalan yang membawa pemikiran orang-orang selaras dengan para atasan. Prinsip musyawarah atau penilaian merupakan prinsip peperangan yang paling penting dan sering ditemui dalam teks yang berkaitan dengan peperangan. Musyawarah diperlukan untuk melakukan pekerjaan yang penting dan besar. Hal ini bermaksud urusan peperangan bukanlah sesuatu yang remeh atau biasa tetapi merupakan kerja penting yang memerlukan perbincangan dan muafakat. Melalui kaedah musyawarah ini mereka yang terlibat akan membuat keputusan sama ada hendak berperang atau sebaliknya. Prinsip musyawarah juga digunakan ketika sedang berperang sama ada hendak melancarkan serangan atau berundur. Oleh itu, musyawarah merupakan salah satu kaedah penting bagi melancarkan serangan terhadap musuh. Musyawarah menjadi pemangkin kepada kelancaran urusan peperangan. Sekiranya prinsip musyawarah tidak berjalan dengan lancar, keadaan ini akan mengganggu kelancaran strategi peperangan seterusnya. Strategi musyawarah juga tidak terkecuali dilakukan oleh tentera Palembang apabila mereka melihat Belanda mula mengatur tentera mereka untuk mengepung istana Palembang. Situasi musyawarah boleh dilihat dalam petikan syair di bawah:

Sembahnya Tuanku apa bicara,
Menteng menyeberang mengatur tentara,
banyaknya tidak lagi terkira,
patik sekalian sangat sengsara. (*Syair Perang Menteng*, 1975:1).

Titah Paduka Duli yang Mulia,
kumpulkan rakyat suruhlah sedia,
dengan kurnia tuhan yang kaya,
kapal Menteng kita perdaya. (*Syair Perang Menteng*, 1975:1).

Hasil daripada tindakan musyawarah tersebut mereka telah membuat penilaian. Penilaian adalah bertujuan untuk mengetahui kekuatan, kelemahan dan bilangan musuh. Malah Sultan Mahmud Badaruddin II telah bersetuju untuk berperang dengan pihak Belanda untuk menyelesaikan konflik yang dihadapinya. Sultan Mahmud Badaruddin II mula mengarahkan semua rakyat Palembang agar bersiap sedia untuk berperang dengan pihak Belanda. Menurut Koster (2011:115) strategi peperangan masyarakat Melayu adalah stereotaip dan hampir sama kaedahnya antara satu sama lain. Umpamanya strategi mesyuarat, risikan, gambaran alat senjata merupakan elemen yang sering ditampilkan dalam penulisan berkaitan dengan peperangan.

Walaupun strategi ini adalah sama tetapi amat penting dalam usaha melancarkan urusan peperangan. Tanpa adanya strategi mustahil pihak yang berperang akan mencapai kemenangan.

Ilmu Dalaman

Masyarakat silam ketika berperang mempunyai teknik atau strateginya tersendiri, dan berkaitan dengan agama serta dikaitkan dengan kuasa ghaib. Unsur sebegini dikenali sebagai ilmu dalaman atau amalan yang sering dilakukan dalam kehidupan. Penggunaan ilmu dalaman merupakan salah satu keunggulan strategi masyarakat Melayu ketika berperang. Amalan sebegini dipercayai memberikan keyakinan dan keberanian ketika mereka melangkah ke medan perang serta mampu memberi harapan untuk mencapai kemenangan. Golongan haji dan tentera Palembang tidak terkecuali menggunakan ilmu dalaman ketika menghadapi peperangan. Masyarakat Palembang ketika itu adalah antara pengamal ajaran tarekat Sammaniyah yang berkembang pesat di kepulauan Sumatera, malah Sultan Mahmud Badaruddin II merupakan penaung ajaran ini yang berpusat di Jeddah Mekah dan diperkenalkan oleh Syeikh Abdul Saman al-Falimbani (Bruinessen, 2018:10). Rangkap syair di bawah menaratifkan bacaan zikir yang dilafazkan oleh tentera Palembang:

Delapan belas harinya Sabat,
bulan Sya'ban ketika waktu,
pukul empat jamnya itu,
Haji berzikir di pamarakan tentu.

La ilaha illahu dipalukan ke kiri,
kepada hati nama sanubari,
datanglah opsir meriksa berdiri,
Haji berangkat opsir pun lari. (*Syair Perang Menteng*, 1975:1).

Pengamal tarekat ini disarankan untuk berzikir dengan lantunan suara yang keras ketika menyebut perkataan “hu” merujuk kuasa tertinggi, iaitu Allah SWT. Melalui bacaan ini mereka berasa bahawa semangat perang meresap dalam diri dan tidak gentar untuk berperang. Mereka juga percaya melalui berkat bacaan zikir ini menjadikan mereka “tidak lut” atau kebal daripada dcederakan oleh sebarang senjata. Misalnya temenggung dalam syair ini diperlihatkan mempunyai kebolehan dalam “ilmu tilikan”, melalui ilmu tilikan ini tentera Palembang dapat mengetahui kedudukan musuh seperti yang digambarkan dalam rangkap syair di bawah. Selain temenggung, tentera Palembang yang lain tidak terkecuali memiliki ilmu dalaman:

Saktinya Temenggung ilmu terkandung,
hari yang panas menjadi runding,
di atas pelataran duduk bertenang,
baris tiada tempat berlindung.

Temenggung membaca isim al-wara,
kapal Menteng menjadi jentera,
banyak undur sedikit mara,
kelasi kapal sangat sengsara. (*Syair Perang Menteng*, 1975:12)

Pangeran membaca doa selamat,
Dengan berkat segala keramat,
Syafaat Nabi Sayyidul Kainat,
Rakyat Menteng hancurlah lumat. (*Syair Perang Menteng*, 1991:9).

Temenggung haji berdiri terpekur,
Menantikan tolong Aziz Al-Ghafur,
Membaca isim hatinya hudur,
Supaya jangan iman tercebur.

Dikabulkan oleh Rabb Al-Akwan,
Berkat Syaikh Kutub Al-Sufwan,
Menolong muridnya mendapat lawan,
Jenderal hampir terkena tawan. (*Syair Perang Menteng*, 1991:21).

Ilmu batin merupakan suatu bentuk persenjataan yang amat abstrak dan subjektif untuk dianalisis serta sukar untuk dibuktikan melalui logik akal termasuk melalui sains. Kebolehan tersendiri yang dimiliki oleh masyarakat Palembang ini menjadikan pihak musuh menjadi gusar untuk berperang. Reid (1988) turut mengakui magis (*magic*) merupakan *skill of power* atau kemahiran yang menjadi kekuatan masyarakat Melayu yang tidak dimiliki oleh orang Barat. Skeater dalam bukunya *The Malay Magic* (1965:522) berpendapat zikir, mantera atau bacaan yang berkaitan dengan agama dikenali sebagai *charms* (jampi). *Charms* mampu menakutkan pihak musuh, malah beliau juga mengaitkan *charms* dengan tangkal atau azimat yang dipakai oleh orang Melayu untuk menjadi kebal dan gagah. Bagi Mitchell (1982:124) orang-orang yang mempunyai kelebihan seperti ini dikenali sebagai bomoh, dukun dan juga pawang.

Penggunaan ilmu dalaman sebegini turut diakui oleh Woelders (1975:132) sebagai bentuk persenjataan masyarakat Melayu yang unik dan tersendiri. Tentera Palembang yang berada di setiap benteng pertahanan tidak henti-henti membaca

selawat, tahlil dan doa. Bacaan selawat, tahlil serta doa bergema seperti gendang yang dipalu. Seri Palembang merupakan meriam utama yang menjadi lambang kekuatan kerajaan Palembang, pelurunya telah dibacakan *Surah Yassin* sebanyak 40 kali. Hasilnya peluru-peluru ini berjaya mengenai tepat pada sasarannya. Melalui garapan ini menjelaskan bahawa peluru-peluru meriam ini bertindak seperti peluru berpandu, iaitu peluru yang dilepaskan dengan iringan doa, bacaan ayat atau jampi tertentu. Dengan izin Allah SWT, doa dan ayat-ayat berkenaanlah yang menjamin peluru sampai tepat pada sasarannya.

Keunggulan Strategik

Hasil daripada penilaian dan musyawarah yang telah dilaksanakan akan membentuk keunggulan strategik yang bertujuan membentuk kekuatan tentera atau teknik lain ketika berperang. Keunggulan strategik bermaksud strategi yang tidak digunakan oleh pihak lawan atau tidak terfikir oleh pihak lawan menggunakannya. Keunggulan strategik dalam syair ini adalah memanfaatkan kedudukan yang menguntungkan seperti bilangan musuh, keadaan muka bumi, alat senjata dan bentuk serangan. Keunggulan berkaitan strategi diakui oleh Sun Tzu seperti yang berikut:

Gunakanlah yang seketika untuk menghadapi musuh dan kejutan untuk meraih kemenangan. Demikianlah yang ahli dalam melancarkan serangan kejutan adalah tak terbatas ibarat langit dan bumi dan tiada habis-habisnya seperti sungai dan laut. (Sun Tzu, 2002:109)

Strategi peperangan yang dibincangkan dalam makalah ini merupakan keunggulan strategik pihak Palembang kerana sebahagian strategi atau kaedah yang digunakan oleh tentera Palembang tidak dipraktikkan oleh tentera Belanda seperti penggunaan ilmu dalaman yang juga dikenali sebagai ilmu batin, tipu helah, keadaan fizikal bentuk bumi dan lain-lain kaedah yang pastinya berlainan antara kedua-dua belah pihak. Namun begitu, adalah tidak adil untuk mengatakan tentera Belanda tidak mempunyai strategi tersendiri. Keunggulan strategik sebegini telah berjaya membantu tentera Palembang mencapai kemenangan dan sekali gus menyelesaikan konflik yang dihadapinya dengan Belanda.

(1) Keunggulan Strategik: Melancarkan Serangan

Strategi peperangan seterusnya adalah tentang melancarkan serangan. Menurut Sun Tzu (2002:97) dalam pertempuran, carilah kemenangan yang cepat. Jika pertempuran berpanjangan senjata akan menjadi tumpul dan moral pasukan akan merosot. Apabila moral merosot kekalahan semakin menghampiri. Oleh itu, untuk menamatkan konflik

bersenjata ini, setiap panglima perang haruslah merencanakan serangan yang ampuh dan mampu memberi kemenangan dengan segera. Antara serangan yang dilancarkan oleh tentera Palembang termasuklah melakukan serangan mengejut ke arah musuh menyebabkan pertahanan musuh menjadi kucar kacir seperti rangkap syair di bawah:

Titah Baginda Duli Syeh Alam,
kepada menteri Wazir al-alam,
pagi-pagi hari waktu yang kelam,
bedil kapalnya supaya tenggelam.

Kepada Selikur hari Selasa,
pukul tujuh ketika masa,
Baginda membedil sangat perkasa,
kapal Menteng rusak binasa.

Menteng terkejut tercakar-cakar,
bunyi bedil bagai berbongkar,
datanglah gembira Kornel Bakar,
memasang bedil bunyi bertagar. (*Syair Perang Menteng*, 1975:27–28).

Petikan syair di atas menjelaskan Sultan Mahmud Badaruddin II, telah mengarahkan tentera Palembang agar membuat serangan mengejut ke arah kapal tentera Belanda. Mereka telah melancarkan serangan tersebut pada waktu pagi sebelum matahari muncul. Sun Tzu juga mengakui bahawa waktu pagi merupakan waktu yang baik untuk melakukan serangan:

Di waktu pagi moral tentera masih tinggi, tengah hari mula goyah dan waktu malam moralnya sudah tiada. Hindarilah musuh ketika moralnya sedang tinggi dan seranglah musuh disaat moralnya sudah tiada dan gunalah keteraturan serangan untuk menghancurkan musuh (Sun Tzu, 2002:121).

Selain serangan mengejut, Sultan Mahmud Badaruddin II turut menempatkan panglima perangnya yang terbilang di setiap benteng pertahanan utama di sekitar Sungai Palembang untuk menggempur kapal-kapal perang Belanda daripada menghampiri kawasan darat Palembang. Kedudukan panglima perang Palembang di benteng-benteng utama telah dinaratifkan seperti yang berikut:

Wirasentika Pangeran bernama,
Putera Pangeran Wirakesuma,

sikapnya bagai Maharaja Boma,
bertahan di Pulau Mangguntama. (*Syair Perang Menteng*, 1975:19)

Benteng Pangeran Adipati Muda,
dekat benteng Paduka kakanda,
lengkap alat sekalian ada,
akan menahan kafir Holanda. (*Syair Perang Menteng*, 1975:24)

Di Tambakbaya tempat dikerja,
benteng Pangeran Kramadiraja,
beriringan Pangeran Puspadiraja,
sikap majlis dipandang raja.

Di Pulau Kemaro tempatnya jaga,
benteng Pangeran Suradilaga,
siang dan malam nafsunya dahaga,
hendak berperang pikirilah juga. (*Syair Perang Menteng*, 1975:26)

Benteng-benteng pertahanan ini telah dikawal ketat oleh tentera Palembang dan dilengkapi dengan pelbagai alat senjata. Benteng Pulau Kemaro merupakan benteng pertahanan paling penting dan utama berbanding dengan benteng yang lain. Kedudukan benteng ini adalah di hujung dan mengapung di tengah-tengah Sungai Musi. Oleh sebab kedudukannya di hujung sekali maka benteng ini dapat menghubungkan semua bahagian benteng pertahanan lain. Keadaan ini juga memudahkan isyarat komunikasi diberikan sekiranya benteng pertahanan lain diserang. Benteng Pulau Manggutama dan Tambakbaya pula merupakan benteng sokongan kepada benteng Pulau Kemaro. Apabila tentera Belanda memasuki perairan Palembang kesemua tentera dan panglima perang yang berada di setiap benteng pertahanan mula menyerang kapal-kapal perang Belanda dari setiap arah. Keadaan ini menyukarkan tentera Belanda membalas semula serangan tersebut. Tidak cukup serangan dari atas kota, tentera Palembang juga melakukan serangan dari hutan dan juga darat.

Suhunan bertitah kepada Sultan,
meriam bawahlah ke dalam hutan,
Menteng itu seperti syaitan,
orang bersembunyi jangan kelihatan. (*Syair Perang Menteng*, 1975:23).

Semuanya kapal habis larat,
di Selat Jaran membuang pendarat,

bunyinya bagai gelombang barat,
dibedil orang dari darat. (*Syair Perang Menteng*, 1975:24).

Keunggulan strategi perang sebegini kelihatan amat berkesan dan diperlihatkan bertapa kucar-kacirnya benteng pertahanan Belanda. Serangan mengejut ini turut melemahkan psikologi musuh. Kelemahan ini memberi ruang kepada tentera Palembang untuk terus menyerang dan menamatkan konflik dengan pihak Belanda dalam waktu yang singkat.

Cina lari tak dapat untung,
topekong tidak tempat bergantung,
Holanda lari tidak terhitung,
ada yang luka ada yang kudung.

Hilirlah kapal berperi-peri,
haluan menuju kuala negeri,
setengah rakyatnya habis lari,
entah ke mana membawa diri. (*Syair Perang Menteng*, 1975:22).

Serangan dari setiap sudut yang dilakukan oleh tentera Palembang telah memberi kejayaan yang besar dalam peperangan ini dan berhasil memaksa tentera Belanda berundur dari Palembang. Tindakan yang bijak ini membantu mereka memenangi peperangan ini. Pada pihak tentera Belanda pula, mereka hanya melancarkan serangan melalui jalan laut. Seharusnya mereka melakukan serangan dari pelbagai arah seperti mengepung Palembang ataupun mengadakan serangan hendap pada waktu malam. Namun begitu, kesemua ini tidak dipraktikkan oleh Belanda kerana yakin tentera Palembang mudah untuk ditundukkan.

(2) Keunggulan Strategik: Sembilan Jenis Medan atau Strategi Geografi

Keadaan muka bumi juga memainkan peranan penting dalam situasi peperangan. Kedudukan muka bumi yang strategik mampu menjadi benteng pertahanan dan tempat persembunyian. Geografi Palembang yang mempunyai banyak hutan, sungai, teluk dan muara memberi kelebihan kepada tentera Palembang. Mereka telah memanfaatkan kelebihan muka bumi yang dimiliki dengan menjadikannya tempat persembunyian untuk melakukan serangan terhadap tentera Belanda. Sebaliknya, tentera Belanda tidak memahami keadaan bentuk muka bumi ini menyebabkan mereka sukar untuk bergerak dan melakukan serangan.

Kekurangan ilmu dan ketidaktelitian Menteng memahami fizikal geografi Palembang menyebabkan kapal perang mereka tidak dapat bergerak ketika melintasi

Sungai Kundur sedangkan rakyat Palembang sudah bersiap sedia menanti untuk melakukan serangan. Selain itu, keadaan cuaca turut mempengaruhi arus Sungai Musi, iaitu sungai utama di Palembang menyebabkan pasukan Belanda mengambil masa yang cukup lama untuk tiba ke Palembang. Oleh itu, fizikal geografi Palembang telah menjadi jerat kepada tentera Belanda dan merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kekalahan pihak Belanda. Peristiwa ini dapat dilihat melalui petikan syair di bawah:

Disanalah kapal lama berhenti,
air surut pasang dinanti,
orang membedil bersungguh hati,
hari hampir malamlah pasti.

Di Pulau Bayak kapal berhenti,
orang di hutan sudah menanti,
dibedil orang sahajakan nanti,
soldadu Holanda banyaklah mati. (*Syair Perang Menteng*, 1975:24).

Strategi kejutan atau memeranjatkan bererti mencipta keadaan pada satu-satu tempat atau masa yang menyebabkan pihak musuh tidak berupaya dan tidak bersedia untuk melancarkan serangan balas. Kejayaan ini dapat dicapai melalui gerakan rahsia, tindakan yang menggunakan senjata, serbuan atau serangan secara tiba-tiba dengan menggunakan kaedah yang sesuai. Segala rahsia pergerakan dan rancangan ketenteraan mestilah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada pengetahuan musuh sebelum berada dalam suasana operasi. Clausewitz pakar strategi peperangan daripada Jerman (1976:269–274) menyatakan bahawa “strategi menyerang dan kejutan dalam banyak situasi adalah perlu untuk memenangi sesuatu peperangan”.

(3) Keunggulan Strategik: Serbuan atau Amukan

Serangan secara amuk atau serbuan merupakan strategi peperangan yang sering ditemui dalam mana-mana siri peperangan. Mereka yang terlibat dalam peperangan pasti tidak terlepas melakukan tindakan serbuan, amuk atau mengamuk. Dalam kalangan masyarakat Barat dikenali sebagai *amok*, iaitu seperti serangan gerila yang pelakunya tidak berhenti-henti menyerang. Tindakan mengamuk oleh bangsa Melayu dikaitkan dengan faktor maruah, agama dan juga ketaatan kepada raja. Serangan mengamuk terjadi apabila tentera tersebut telah cedera parah dan tidak dapat hidup dengan lebih lama, mereka di ambang kekalahan atau maruah raja dihina atau nyawa raja dalam keadaan bahaya. Reid (1988:125) mengakui *amok* merupakan salah

satu strategi serangan orang Melayu. Perbuatan mengamuk juga dikaitkan sebagai “pejuang berani mati”. Sivachandralingam (1992:264) menjelaskan bahawa orang Jawa dan Bali sering melakukan serangan berbentuk amuk. Strategi peperangan ini cukup berbahaya dan mendedahkan pelakunya kepada risiko kematian. Dalam naratif *Syair Perang Menteng* dengan jelas golongan haji telah melakukan tindakan amuk kepada tentera Belanda.

Kemas Said keluar menyerbu,
amat gembira di dalam kalbu,
mati sepuluh baris seribu,
dekat pintu kota Kemas nan rubuh.

Datanglah satu Opsir mendekati,
membedil Kemas tiada berhenti,
pelurunya datang menuju hati,
di sanalah tempat Kemas nan mati. (*Syair Perang Menteng*, 1975:5).

Serangan amuk yang dilakukan oleh Kemas Said terhadap tentera Belanda telah berjaya membunuh seramai sepuluh orang tentera Belanda dan akhirnya Kemas Said juga menghembuskan nafasnya yang terakhir di tangan tentera Belanda. Tindakan mengamuk ini berjaya membunuh nyawa musuh dengan lebih ramai melalui tindakan sebegini berhasil melunturkan semangat tentera musuh yang tergamam kerana diserang secara bertalu-talu.

(4) Keunggulan Strategik: Pembinaan Kubu dan Aturan Alatan Senjata

Aturan dan kedudukan alat senjata serta pembinaan kubu juga penting dalam usaha mencapai kemenangan. Tanpa persediaan alat senjata lengkap agak sukar untuk mencapai kemenangan. Hal ini turut diakui oleh Sun Tzu (2002:120), pasukan tanpa peralatan, persediaan, bekalan makanan dan juga bahan-bahan lain akan binasa. Tempoh tangguh yang diminta oleh tentera musuh memberi kelebihan kepada tentera Palembang untuk membaiki senjata yang rosak dan menyusun semula strategi peperangan dan menstrukturkan semula kedudukan para tentera dan juga susun atur alatan senjata.

Semuanya benteng memasang meriam,
terang cuaca menjadi kelam,
air pasang sangatlah dalam,
kapal Jeneral hampir tenggelam. (*Syair Perang Menteng*, 1975:20).

Sultan Mahmud Badaruddin II telah mengarahkan semua askarnya supaya meletakkan meriam di setiap benteng pertahanan, bagi memudahkan mereka menyerang musuh dari jarak jauh. Setiap meriam yang dipasang pada benteng merupakan salah satu strategi peperangan kerana benteng merupakan tempat perlindungan yang cukup selamat untuk berlindung apabila diserang oleh musuh. Benteng pertahanan dibina dengan batu-batu yang kukuh dan tinggi untuk memudahkan mereka melihat kedudukan musuh dari jauh serta membuat serangan terhadap musuh.

Buluwarti minta kerjakan,
batang-batang minta segerakan,
cerucup di laut segera betulkan,
rakit api baik lekaskan. (*Syair Perang Menteng*, 1975:25).

Tentera Palembang turut membina “buluwarti” untuk mengukuhkan lagi benteng pertahanan mereka. Nanang S. dan Djohan, (1996:111) menyatakan bahawa pembinaan “buluwarti” menyebabkan meriam musuh tidak dapat menembus dinding benteng pertahanan tentera Palembang. “Buluwarti” tersebut telah dibina setebal dua meter dan tingginya hampir lapan meter. Tentera Palembang menjadikan “buluwarti” ini sebagai alat pancingan kepada pihak Belanda untuk terus menembak ke arah kubu tersebut.

Benteng sangatlah teguh,
pangeran dan menteri di sana melunguh,
jenderal membedillah bersungguh-sungguh,
disangka rubuh tiadakan teguh. (*Syair Perang Menteng*, 1975:19).

Keteguhan benteng yang dibina oleh tentera Palembang boleh dilihat dalam bait syair di atas. Buktinya, walaupun tentera Belanda membedil bertalu-talu ke arah benteng tetapi masih tidak mampu merobohkan benteng tersebut. Selain pembinaan kubu, diperlihatkan persiapan memasang “cerucup besi” dan “rakit api” untuk menghalang kemaraan musuh. “Cerucup besi” yang dipasang menyukarkan pergerakan musuh di laut kerana “cerucup besi” ini menjadi pengadang bukan sahaja untuk kapal tetapi juga penghalang kepada kemaraan askar Belanda untuk mendarat di kawasan darat Palembang. “Rakit api” juga dikenali sebagai perahu api dijayakan dengan mengisi minyak dalam perahu dan menyalakan api, lantas melancarkan rakit tersebut ke arah kapal-kapal Belanda. Rakit api bertindak sebagai bahan peledak untuk menyerang kapal musuh dari bawah tanpa sempat musuh menyelamatkan diri mereka. Deskripsi ini berjaya menunjukkan kelainan strategi peperangan Palembang

yang diketuai oleh Sultan Badaruddin Mahmud II sendiri. Keunggulan strategi perang tentera Palembang berbanding tentera Belanda telah memberi kemenangan besar kepada masyarakat Palembang.

(5) Keunggulan Strategik: Risikan

Risikan atau menggunakan mata-mata merupakan satu teknik universal dalam fenomena peperangan. Oleh itu, dalam situasi peperangan, risikan amat penting kerana matlamat daripada risikan dapat memudahkan peperangan yang bakal dihadapi. Aktiviti dan strategi risikan ini merupakan satu usaha untuk mengenali musuh dengan lebih dekat sebelum bertempur. Pada tahap ini segala kekuatan, kelemahan dan perancangan musuh akan dikumpul dan dianalisis terlebih dahulu oleh seorang perisik untuk menentukan tindakan seterusnya. Hal ini kerana aktiviti risikan sangat diperlukan untuk mengetahui kekuatan, kelemahan serta kedudukan musuh. Tindakan risikan ini sedikit sebanyak dapat memberi harapan kemenangan kepada pihak yang terlibat. Sun Tzu (2002:153) menyatakan terdapat lima kategori mata-mata, iaitu mata-mata setempat, orang dalam, agenda ganda, mata-mata yang dapat diganti dan mata-mata yang tidak dapat diganti. Melalui pandangan ini Sun Tzu menyatakan mata-mata yang terbaik ialah orang tempatan kerana diyakini mereka tidak akan belot kepada tanah air. Mata-mata tersebut haruslah terlatih dan seorang yang taat agar tidak membocorkan maklumat penting walaupun nyawa menjadi taruhan. Selain itu, pihak musuh juga dapat dijadikan sebagai mata-mata dengan memberikan ganjaran lumayan serta menggunakan teknik agen ganti, iaitu dengan secara sengaja memberikan maklumat palsu kepada mata-mata tersebut untuk dibocorkan kepada pihak musuh.

Intipan pula bererti mendapatkan maklumat pihak musuh berkenaan dengan aspek harta benda, alat persenjataan, pergerakan, rancangan dan tujuan. Intipan melibatkan penghantaran kumpulan yang kecil sama ada anggota tentera atau tidak, ke tempat yang dijangka didatangi musuh dengan memberi arahan tentang objektif mereka. Intipan hanya dihantar untuk mengumpulkan maklumat yang perlu tentang pihak musuh. Oleh itu, mereka perlu diberi arahan tegas supaya tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti dengan pihak musuh. Apabila maklumat telah diperolehi, menjadi tugas perisik untuk mengambil keputusan yang praktikal daripadanya untuk tujuan strategi. Analisis data yang diberi akan menyediakan maklumat yang perlu, dan juga mungkin mempunyai nilai strategi yang tinggi (Afzalur Rahman, 1980:114–116).

Alkisah satu cerita,
Orang Sungsang memberi warta,
Menteng pun sedia sekalian rata,
hendak menyerang Duli dan Mahkota.

Kepada Suhunan disembahkan orang,
Menteng datang angkatan perang,
kapalnya berlabuh di Malang Semirang,
rakyatnya banyak bukan kapalang. (*Syair Perang Menteng*, 1975:27).

Dalam *Syair Perang Menteng* Sultan Mahmud Badaruddin II telah menggunakan khidmat orang Sungsang yang tinggal di kawasan perairan Sungai Musi sebagai perisik. Mereka dikenali sebagai “wong laut” yang menetap di Selat Baka dan juga di kawasan-kawasan pedalaman. Sebahagian besar mereka ialah nelayan. Mereka telah bertindak melakukan aktiviti pengintipan dengan menyamar menjadi nelayan untuk mengetahui bilangan kapal dan tentera Belanda yang berlabuh di Sungai Palembang. Setelah maklumat terperinci diperolehi, mereka mengirimkan berita tersebut kepada Sultan Mahmud Badaruddin II untuk tindakan seterusnya.

(6) Keunggulan Strategik: Tipu Helah

Selain strategi berbentuk fizikal ketika berhadapan dengan peperangan, strategi menggunakan ketajaman fikiran juga diperlukan untuk mencapai kemenangan. Dalam usaha mencari kemenangan dalam waktu yang singkat dalam peperangan, strategi muslihat dan tipu helah turut dijadikan sebagai salah satu penyelesaian masalah dalam situasi peperangan. Seperti yang diperkatakan oleh Sun Tzu (2002:94) bahawa strategi peperangan merupakan salah satu seni yang kadangkala tidak dapat dijangkau oleh akal.

Pada hari menyatakan perang, tutuplah jalan masuk, hancurkanlah segala persetujuan, dan laranglah kontak lebih lanjut dengan utusan-utusan musuh. Latihlah rencana anda dengan saksama dan finalkan strategi anda. Kalau musuh memberikan bukaan, anda harus segera menyergapnya. Rebutlah dulu sesuatu yang tak mungkin direlakannya dan janganlah biarkan dia mengetahui waktu serangan anda (Sun Tzu, 2002:147).

Keunggulan strategik akal fikiran turut digunakan oleh Sultan Mahmud Badaruddin II dengan mengarahkan rakyat Palembang membuat parit di luar kota

Palembang untuk memerangkap musuh. Strategi sebegini digunakan apabila jumlah tentera lawan lebih ramai.

Telah demikian dititahkan Syah Alam,
bekerjalah orang siang dan malam,
benteng dan parit sangatlah dalam,
tempat menahan kafir yang kelam. (*Syair Perang Menteng* 1975:25).

Melalui keunggulan strategik sebegini telah berjaya menyerlahkan kebijaksanaan Sultan Mahmud Badaruddin II untuk menyelesaikan konflik antara beliau dengan pihak Belanda. Walaupun berhadapan dengan situasi getir baginda masih mampu melakukan muslihat untuk mengelirukan pihak musuh. Kebijaksanaan Sultan Mahmud Badaruddin II membuktikan betapa terancanganya strategi peperangan yang diatur oleh baginda. Situasi ini ditafsirkan oleh Wright (1970:5) sebagai “*war as the condition of those contending by force such as*” yang bermaksud peperangan ialah situasi kekerasan termasuk tipu helah. Johnson (1989:761) pula menyatakan bahawa “*tactics consist of the planning for the use of troops and weapon to achieve victory in battle*” berdasarkan sarjana ini beliau berpendapat kemenangan dalam peperangan hanya boleh tercapai dengan kekuatan dan bilangan tentera serta alat senjata bukan kepada faktor lain.

Oleh itu, pandangan ini sangat berbeza dengan strategi peperangan yang dilakarkan oleh Sultan Mahmud Badaruddin II. Baginda telah berjaya membuktikan tipu helah merupakan salah satu strategi berkesan untuk memenangi peperangan dan bukan hanya bergantung pada jumlah atau kekuatan tenaga tentera dan alat senjata sahaja. Strategi ini berjaya menyangkal pandangan yang diutarakan oleh Johnson. Strategi peperangan menggunakan tipu helah merupakan salah satu strategi yang menjimatkan tenaga manusia dan dapat menyelamatkan nyawa tentera dengan semaksimum mungkin. Struktur strategi ini juga merupakan strategi ekonomik. Penggunaan strategi ini memainkan peranan penting untuk kejayaan seorang pemimpin tentera yang telah merancang strategi peperangan dan pertahanan, penggunaan harta benda dan tenaga manusia ini perlu dilakukan sedemikian rupa untuk mencapai faedah yang semaksimumnya (Afzalur Rahman, 1980:214–215).

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dan analisis yang telah dilakukan membuktikan perang merupakan penyelesaian konflik terakhir antara Belanda dan Palembang yang akhirnya membawa kejayaan kepada tentera Palembang. Keunggulan strategik yang

diutarakan oleh Sun Tzu merupakan kunci kejayaan tentera Palembang. Oleh itu, konflik antara kedua-dua pihak ini telah berjaya dirungkai melalui kaedah peperangan. Walaupun peperangan membawa banyak kemusnahan, namun peperangan juga boleh menjadi penyelesaian konflik terbaik dalam situasi tertentu. Tidak semua konflik dapat diakhiri dengan perdamaian, adakalanya konflik juga berakhir dengan kematian dan kekalahan untuk memberi jawapan kepada kedua-dua pihak yang telah bertelagah. Oleh itu, konflik antara Sultan Mahmud Badaruddin II dan pihak Belanda dapat diakhiri dengan peperangan yang dimenangi oleh pihak Palembang.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1998). *Berkonflik dan berunding*. Utusan Printcorp Sdn Bhd.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah. (2016). *Gerakan penjajahan dan anti penjajahan Tanah Melayu 1511–1957: Jihad menghadapi konspirasi penjajah dan manipulasi sejarah*. Ultimate Print Sdn Bhd.
- Afzalur Rahman. (1980). *Ensiklopedia Sirah. (Jilid 1)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, Barbara, W. & Andaya, Leonard, Y. (1983). *Sejarah Malaysia*. Macmillan.
- Bruinessen V. M. (2018). *Islam di Nusantara kitab kuning pesantren dan tarekat*. Terj. Al-Mustaqeem M. Radhi. Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Clausewitz, C. V. (1976). *On war*. In Michael Howard and Peter Paret (Eds.). Princeton University Press.
- Djohan Hanafiah. (1989). *KUTO BESAK: Upaya kesultanan Palembang menegakkan kemerdekaan*. PT Karya Unipress.
- Johnson, H. C. (1989). Strategies and tactics of warfare. In *Encyclopaedia of Violence, Peace and Conflict Volume 3*. Academic Press.
- Koster, L. G. (2011). *Mengembara ke taman-taman menggoda: Membaca naratif Melayu*. Universiti Drukkerij.
- Mitchell, D. G. (1982). *Sosiologi pengajian sistem sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusoff Hasshim. (1993). Peperangan Melayu dalam tradisi pensejarahan Malaysia. Dlm. Ismail Hussein (Eds.) *Tamadun Melayu Jilid I*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nanang S. Soetadji & Djohan Hanafiah. (1996). *Perang Palembang melawan V.O.C*. Karyasari.

- Nidzam Sulaiman. (2018). *Pemikiran sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pruitt, D. G. & Rubin, J. Z. (2004). *Teori konflik sosial*. Pustaka Pelajar.
- Reid, A. (1988). *Southeast Asia in the age of commerce 1450–1680 (Volume One)*. Yale Clair-Press.
- Sivachandralingam. (1992). *Tamadun dunia*. Fajar Bakti.
- Skeater, W. W. (1965). *Malay magic: An introduction of the folklore and popular religion of the Malay Peninsula*. Frank Case & Co Ltd.
- Suidat, M.Pd.I. (2019). *Sejarah nasional Indonesia*. Yayasan Pendidikan At-Taqwa Depok.
- Sun Tzu. (2002). *The art of warfare*. In Arvin Saputra (Ed.). Lucky Publisher.
- Syair Perang Menteng*. (1975). Woelders (Ed.), M.O. *Het Sultanat Palembang 1811–1825*. Gravenhage: B.V. Neerlandsche Boek
- Vlekke, Bernard H. M. (1967). *Nusantara (sejarah Indonesia)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Woelders, M. O. (1975). *Het sultanat Palembang 1811–1825*. B.V. Neerlandsche Boek.
- Wright, L. L. (1970). *A study of war*. The University of Chicago Press.
- Zubir Idris. (2013). *Etnosentrisme dalam syair-syair perang Melayu Belanda*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zubir Idris. (2016). Jihad as the core of Malay ethnocentrism. *PERTANIKA. Journal* homepage: <http://www.pertanika.upm.edu.my/>. Dilayari 27 November 2017. 153–166.